

06 NOV 1998

UMNO-Keputusan

ANGGOTA UMNO YANG JAWAB SURAT TUNJUK SEBAB AKAN DITEMUDUGA

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO akan menemuduga 25 anggota parti yang telah menjawab surat tunjuk sebab berhubung dakwaan bahawa mereka terlibat dalam gerakan anti kerajaan dan parti.

Keputusan itu dicapai pada mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO malam ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat itu.

Beliau berkata bahawa pada masa yang sama, pergerakan mereka akan terus diawasi untuk tempoh masa tertentu.

"Keputusan diambil bukan kerana Majlis Tertinggi tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan mereka.

"Ada yang berkata dalam jawapan bahawa mereka masih patuh dan setia kepada parti dan kita ambil kira semua," katanya kepada pemberita.

Dr Mahathir ditanya mengenai nasib 25 orang itu yang termasuk bekas Ketua Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang merupakan antara 33 anggota parti diberi surat tunjuk sebab kenapa mereka tidak boleh dipecat kerana didakwa terlibat dalam kegiatan anti kerajaan dan anti parti.

Dua hari lepas, Setiausaha Agung parti Datuk Sabbaruddin Chik berkata bahawa lapan lagi anggota yang dikenakan surat tunjuk sebab itu belum menjawab atau membuat rayuan kerana mereka mendakwa tidak menerima surat tunjuk sebab itu daripada ibu pejabat parti.

Mengikut perlembagaan parti, tindakan yang boleh dikenakan terhadap anggota yang menjatuhkan imej, merosakkan nama baik dan memalukan parti ialah diberi amaran, haknya sebagai anggota digantung, dipecat, dilarang bertanding bagi sebarang jawatan parti dan tindakan lain yang difikirkan wajar.

--BERNAMA

TM MAI